



## **KENYATAAN MEDIA**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**RAMPASAN GADING GAJAH**

**25 OGOS 2016**

---

1. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) telah menyerahkan 309 batang gading gajah yang telah dirampas kepada Jabatan PERHILITAN.
2. Rampasan tersebut dianggarkan bernilai RM10 juta. Kesemua serahan gading gajah ini merupakan hasil rampasan pihak JKDM bagi kes yang berlaku di KLIA sepanjang tahun 2015 hingga 2016.
3. Rampasan ini termasuklah kes terbesar tahun ini iaitu pada bulan Julai 2016 sebanyak 241 batang gading gajah berjaya dirampas. Daripada rampasan ini sebanyak 8 kertas siasatan telah dibuka dan di siasat di bawah Akta Kastam 1967 iaitu kesalahan penyeludupan barang larangan tanpa lesen import di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012.
4. Terbaharu pada 4 Ogos 2016, pihak JKDM telah merampas sebanyak 119 kilogram yang menjadikan jumlah keseluruhan berat gading gajah yang diserahkan kepada jabatan adalah 1,191 kg. Menurut maklumat JKDM bungkusan ini tiba di KLIA melalui penerbangan Turkish Airline dari Entebbe, Uganda-Istanbul. Turki-KLIA.

5. Penyerahan barang rampasan ini selaras dengan keperluan di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] yang mana Jabatan PERHILITAN adalah Pihak Berkuasa Pengurusan. Jabatan PERHILITAN akan melaksanakan prosedur selanjutnya berdasarkan obligasi CITES dan Akta 686 dalam menguruskan gading gajah tersebut. Antaranya membuat inventori, penandaan dan pengambilan sampel untuk tujuan forensik DNA.
6. Permintaan gading gajah disebabkan oleh pelbagai kegunaan seperti bahan perhiasan, aksesori muzik dan sebagainya. Gading gajah bukan sahaja dianggap dari segi estetik, ia tahan lama, mudah diukir dan ia tidak mudah patah. Kesan dari permintaan dan nilai yang tinggi di pasaran sama ada tempatan atau antarabangsa, menyebabkan hidupan liar sentiasa menjadi sasaran pihak yang berkepentingan. Permintaan tersebut terdiri daripada pelbagai jenis dan ianya bergantung kepada permintaan pasaran.
7. Pelbagai usaha telah dilaksanakan di peringkat Jabatan PERHILITAN bagi menangani kes jenayah hidupan liar. Antaranya ialah :
  - Memperkasakan Unit Jenayah Hidupan Liar atau *Wildlife Crime Unit* (WCU) Jabatan PERHILITAN yang beroperasi di seluruh negeri.
  - Memantapkan penguatkuasaan di pintu keluar/ masuk Negara di Semenanjung Malaysia dengan penempatan pegawai penguatkuasa.
  - Memperkukuhkan penguatkuasaan menerusi kerja-kerja perisikan
  - Melaksanakan aktiviti kesedaran awam di setiap peringkat lapisan masyarakat.
  - Berkerjasama dengan pihak NGO bagi mendapatkan maklumat di samping maklumat dari orang awam.
  - Mempertingkatkan pemantauan kegiatan penjualan hidupan liar melalui internet.
  - Memperkukuhkan jaringan kerjasama antara agensi penguatkuasaan - ATM, PDRM, UPP, Kastam dan APMM.

- Meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa seperti International Consortium for Combatting Wildlife Crime (ICWC), Interpol, United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dan ASEAN-Wildlife Enforcement Network (ASEAN-WEN).
8. Saya dan Jabatan PERHILITAN turut mengucapkan terima kasih kepada JKDM atas usaha yang berterusan dalam membantu mematahkan aktiviti penyeludupan hidupan liar di Malaysia. Kerjasama berterusan antara agensi penguatkuasaan dan penyaluran maklumat daripada orang awam sangat penting dalam menangani jenayah hidupan liar rentas sempadan.